

17 MAR 2002

Mahathir-Jerman/I

LAWATAN DR M KE JERMAN LEMBARAN BARU DALAM HUBUNGAN KL-BERLIN

Oleh: Abdul Muin Abdul Majid

MUNICH, 17 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan tiba di sini esok (Isnin) untuk memulakan lawatan rasmi tiga hari ke Jerman dengan tujuan utama meningkatkan lagi hubungan dua hala dan menarik pelaburan Jerman ke Malaysia.

Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali dijadual tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Franz Josef Strauss di sini pada 10 pagi Isnin (5 petang waktu Malaysia) dalam cuaca sejuk dan berkabut yang diramalkan di ibu negeri Bavaria itu, di selatan Jerman.

Aturcara utama lawatan rasmi pertama Dr Mahathir ke negara ini ialah pertemuan dengan rakan sejawatannya di Jerman, Gerhard Schroder di Berlin, destinasi seterusnya bagi Perdana Menteri selepas Munich.

Jerman yang mempunyai penduduk seramai 82.4 juta orang dan meliputi kawasan seluas 357,042 persegi, merupakan negara kedua dalam rangka lawatan beliau ke tiga negara yang sebelum itu membawa beliau ke Russia. Dr Mahathir akan berangkat ke Poland pada Khamis.

Fokus lawatan beliau ke Munich ialah pada Forum Perniagaan Jerman-Malaysia pada Isnin yang Perdana Menteri dijangka menyampaikan ucap tama bertema "Merealisasikan Sebuah Wawasan: Cara Malaysia".

Menurut buku aturcara, sesi itu akan dipengerusikan oleh Erdmann Vogt, presiden Dewan Perniagaan dan Industri Malaysia-Jerman. Vogt juga merupakan pengarah urusan Deutschebank Malaysia.

Acara itu akan dihadiri oleh lebih daripada 300 peserta termasuk lebih kurang 200 tokoh perindustrian dan anggota-anggota masyarakat perniagaan dari kedua-dua belah yang akan mengambil bahagian dalam sesi soal jawab bersama Perdana Menteri.

Menurut satu kenyataan Wisma Putra yang dikeluarkan di Kuala Lumpur sebelum ini, Dr Mahathir akan menggunakan kesempatan ini untuk menampilkan kelebihan Malaysia bagi para pelabur, khasnya di kalangan perusahaan kecil dan sederhana di Jerman, dan juga memperbetulkan keraguan dan maklumat salah yang ahli-ahli perniagaan Jerman mungkin ada mengenai Malaysia.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz dijangka menyentuh mengenai usaha mempertingkatkan kerjasama perdagangan dan pelaburan Jerman-Malaysia sementara penyampaian Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia Datuk Amar Leo Moggie adalah mengenai peluang-peluang bagi kerjasama dalam teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di Malaysia.

Angka-angka rasmi menunjukkan yang jumlah perdagangan dua hala diramalkan mencapai 6.5 bilion Euro tahun ini (Euro 1=RM3.40), satu peningkatan ketara daripada jumlah awal bagi 2001 sebanyak 5.98 bilion Euro.

Eksport dari Jerman ke Malaysia bernilai 2.5 bilion Euro pada 2001 sementara import ke Jerman dari Malaysia bernilai 3.45 bilion Euro.

Tahun lepas, barangan utama eksport Malaysia ke Jerman ialah semikonduktor, peralatan telekomunikasi, mesin-mesin pemprosesan data automatik dan juga perakam audio visual.

Dilaporkan yang lebih kurang 300 syarikat Jerman kini beroperasi di Malaysia dengan pelaburan berjumlah RM6 bilion.

Munich, bandaraya ketiga terbesar di Jerman selepas Berlin dan Hamburg menjadi pilihan bagi forum perniagaan itu kerana ia kawasan perindustrian teknologi tinggi di Jerman, selain daripada sebuah pusat penting bagi sains dan penyelidikan dan juga sebuah bandaraya yang dianggap sebagai "ibu

negara internet" Jerman.

Pada Selasa, Dr Mahathir dijadual melawat Siemens AG dan akan diberi taklimat oleh Ketua Pegawai Eksekutif syarikat itu Dr Heinrich von Pierer mengenai aktiviti penyelidikan dan pembangunan di Siemens.

Sebelum ke Munich, Dr Mahathir telah melakukan lawatan peribadi ke Stuttgart dan Dusseldorf.

Dr Mahathir akan berlepas dari Munich ke Berlin pada tengah hari Selasa dan selepas tiba beliau dijadual menyampaikan ucapan di Forum Ekonomi Jawatankuasa Asia-Pasifik Perniagaan Jerman (APA).

Ceramah Perdana Menteri di Forum itu dijangka memberi penekanan terhadap peluang-peluang perniagaan di Malaysia. Kemudian, beliau dijangka membuka kedutaan baru Malaysia di Klingelhoferstrasse 6.

Program Dr Mahathir di Berlin juga diatur khusus untuk memberikan gambaran mengenai pembangunan fizikal di bandar raya itu selepas ibu negara Jerman dipindahkan dari Bonn ke Berlin apabila Jerman Barat dan Jerman Timur bersatu pada 1990.

-- BERNAMA

MAM MK PR